

Melabur dalam hartanah utama dengan Amanah Hartanah Bumiputera

Pelaburan hartanah dengan pemeliharaan modal **#UntukMu**



Amanah Hartanah Bumiputera (“Dana”) ialah dana unit amanah patuh Syariah yang melabur terutamanya dalam pemunyaan benefisial hartanah komersial di lokasi utama di Malaysia dengan tujuan untuk memberikan aliran pendapatan yang tetap dan konsisten kepada pelabur Bumiputera sambil mengekalkan modal pelaburan pelabur. Dana ini boleh dilanggan oleh pelabur Bumiputera menerusi pengedar yang sah di Malaysia.

Faedah Utama



Melabur dalam hartanah komersial utama

Dengan pilihan mampu milik untuk para pelabur Bumiputera untuk melabur dalam rangkaian hartanah seperti bangunan pejabat, pusat membeli-belah, pusat perkhidmatan penjagaan kesihatan dan bangunan-bangunan lain.



Agihan pendapatan yang tetap

Bayaran, jika ada, dilakukan berdasarkan separuh-tahunan dan Dana mensasarkan untuk mengagihkan pulangan melebihi kadar Simpanan Tetap Islamik-i 12 bulan daripada Maybank Islamic Berhad.



Mampu milik

Pelaburan kemasukan rendah sebanyak RM100 (harga ditetapkan pada RM1.00 setiap unit) tanpa fi penyertaan, fi pembatalan atau caj penebusan.



Kemudahan Pelaburan

Pelaburan boleh dibuat secara tunai melalui rangkaian pengedaran yang luas di seluruh negara.



Patuh Syariah

Dana ini disahkan sebagai patuh Syariah dan pengagihan dibuat bersih daripada Zakat.

Sejarah Agihan Pendapatan

| Tarikh Akhir Layak Terima Agihan | Agihan Pendapatan* | Tarikh Akhir Layak Terima Agihan | Agihan Pendapatan* |
|----------------------------------|--------------------|----------------------------------|--------------------|
| 31 Mac 2019 | 2.75 sen/Unit | 30 September 2021 | 2.15 sen/Unit |
| 31 Mac 2019** | 0.25 sen/Unit | 30 September 2021** | 0.20 sen/Unit |
| 30 September 2019 | 2.30 sen/Unit | 31 Mac 2022 | 2.15 sen/Unit |
| 30 September 2019** | 0.30 sen/Unit | 31 Mac 2022** | 0.35 sen/Unit |
| 31 Mac 2020 | 2.30 sen/Unit | 30 September 2022 | 2.18 sen/ Unit |
| 31 Mac 2020** | 0.30 sen/Unit | 30 September 2022** | 0.32 sen/Unit |
| 30 September 2020 | 2.25 sen/Unit | 31 Mac 2023 | 2.20 sen/Unit |
| 30 September 2020** | 0.15 sen/Unit | 31 Mac 2023** | 0.30 sen/Unit |
| 31 Mac 2021 | 2.15 sen/Unit | 30 September 2023 | 2.25 sen/Unit |
| 31 Mac 2021** | 0.20 sen/Unit | 30 September 2023** | 0.25 sen/Unit |

*Dana ini dikecualikan cukai dan bersih zakat. **Bonus bagi setiap pemegang unit, hanya 500,000 unit yang pertama sahaja layak untuk menerima pengagihan bonus

Sumber: Maybank Asset Management Sdn Bhd & Pelaburan Hartanah Berhad

Maklumat Utama Dana

| Tarikh Pelancaran | 29 November 2010 | | | | | | |
|---|---|------------------|----------------|---|--|--|--|
| Penaja | Pelaburan Hartanah Berhad | | | | | | |
| Harga | RM1.00 setiap Unit | | | | | | |
| Kategori / Jenis | Aset yang bersandarkan hartanah / Pendapatan | | | | | | |
| Profil Pelabur | Dana ini boleh dianggap menarik bagi pelabur-pelabur yang: <ul style="list-style-type: none">• mempunyai matlamat pelaburan jangka panjang• mencari pemeliharaan modal• mencari pendapatan tetap• mempunyai tahap toleransi risiko yang rendah | | | | | | |
| Matlamat Pelaburan | Dana ini bermatlamat untuk menjana aliran pendapatan tetap dan konsisten serta berusaha untuk mengekalkan modal pelaburan para Pemegang Unit. | | | | | | |
| Strategi Pelaburan | <p>Dana ini berusaha untuk mencapai objektif pelaburannya menerusi pelaburan terutamanya dalam pemunyaan benefisial hartanah di Malaysia yang diperolehi daripada Penaja atau anggota gabungannya khususnya harta-harta komersil termasuk tetapi tidak terhad kepada bangunan-bangunan pejabat, kompleks beli-belah, pusat komersil, kompleks logistik dan perindustrian.</p> <p>Dana ini juga akan melabur dalam pasaran instrumen matawang Islam dan memegang wang tunai untuk memenuhi keperluan kecairannya.</p> | | | | | | |
| Peruntukan Aset | <table><thead><tr><th>Pelaburan</th><th>Had-had</th></tr></thead><tbody><tr><td>Pelaburan dalam pemunyaan benefisial hartanah di Malaysia yang mematuhi Syariah</td><td>34% hingga 100% dari VOF Dana (“Nilai Dana Pada Kos”) boleh dilaburkan dalam pemunyaan benefisial hartanah di Malaysia</td></tr><tr><td>Wang tunai dan mana-mana instrument pasaran wang yang mematuhi Syariah</td><td>0% hingga 66% daripada VOF Dana boleh dilaburkan dalam wang tunai atau manamana instrumen pasaran wang yang mematuhi Syariah</td></tr></tbody></table> | Pelaburan | Had-had | Pelaburan dalam pemunyaan benefisial hartanah di Malaysia yang mematuhi Syariah | 34% hingga 100% dari VOF Dana (“Nilai Dana Pada Kos”) boleh dilaburkan dalam pemunyaan benefisial hartanah di Malaysia | Wang tunai dan mana-mana instrument pasaran wang yang mematuhi Syariah | 0% hingga 66% daripada VOF Dana boleh dilaburkan dalam wang tunai atau manamana instrumen pasaran wang yang mematuhi Syariah |
| Pelaburan | Had-had | | | | | | |
| Pelaburan dalam pemunyaan benefisial hartanah di Malaysia yang mematuhi Syariah | 34% hingga 100% dari VOF Dana (“Nilai Dana Pada Kos”) boleh dilaburkan dalam pemunyaan benefisial hartanah di Malaysia | | | | | | |
| Wang tunai dan mana-mana instrument pasaran wang yang mematuhi Syariah | 0% hingga 66% daripada VOF Dana boleh dilaburkan dalam wang tunai atau manamana instrumen pasaran wang yang mematuhi Syariah | | | | | | |
| Dasar Agihan | <p>Agihan boleh dibuat daripada pendapatan Dana, atas pilihan Pengurus setelah berunding dengan Penaja setiap setengah tahun atau pada masa lain yang tertentu seperti yang boleh ditentukan oleh Pengurus mengikut budi bicara penuhnya, tertakluk kepada kelulusan daripada Pemegang Amanah. Hanya Pemegang Unit yang nama mereka disenaraikan dalam daftar Pemegang Unit pada tarikh kelayakan¹ layak untuk agihan.</p> <p>¹ 31 Mac dan 30 September atau tarikh lain seperti yang akan ditentukan oleh Pengurus.</p> | | | | | | |
| Pelaburan Permulaan Minimum | <p>Pelaburan permulaan minimum untuk individu adalah 100 Unit*.</p> <p><i>Nota*: atau suatu jumlah yang lebih rendah seperti yang ditentukan oleh Pengurus dan disyorkan oleh Penaja dari semasa ke semasa.</i></p> | | | | | | |
| Pelaburan Tambahan Minimum | <p>Unit pelaburan tambahan minimum ialah 50 Unit* untuk individu.</p> <p><i>Nota*: atau suatu jumlah yang lebih rendah seperti yang ditentukan oleh Pengurus dan disyorkan oleh Penaja dari semasa ke semasa.</i></p> | | | | | | |
| Had Pelaburan Maksimum | <p>1,000,000 Unit untuk setiap individu.</p> <p>Pengurus mempunyai budi bicara untuk mengubah had pelaburan oleh mana-mana individu.</p> | | | | | | |
| Keperluan Baki Minimum | <p>Baki minimum yang perlu dikekalkan oleh individu ialah 100 Unit.</p> <p>Sekiranya permintaan untuk pembelian balik akan menyebabkan individu memegang kurang daripada 100 Unit, Pengurus berhak untuk membeli kesemua baki Unit dan menutup akaun individu tersebut.</p> | | | | | | |

| | |
|---|---|
| Pembelian Balik / Penjualan Unit Minimum | Pembelian balik / penjualan Unit minimum ialah 100 Unit untuk individu. |
| Tanda Aras Prestasi | Kadar Simpanan Tetap Islamik-i 12-bulan di Maybank Islamic Berhad. Untuk perincian, layari www.maybank2u.com.my |
| Caj Jualan dan Pembelian Semula | Pada masa ini, Pengurus tidak mengenakan sebarang caj jualan atau caj pembelian semula apabila para Pemegang Unit membeli atau menjual Unit Dana ini. |
| Fi Tahunan Pengurusan | Sehingga jumlah maksimum 1.00% setahun daripada VOF, dikira dan diakru secara harian, sebagaimana dipersetujui antara Pemegang Amanah dan Pengurus. |
| Fi Tahunan Pemegang Amanah | Sehingga 0.08% setahun daripada VOF, tertakluk pada jumlah minimum sebanyak RM18,000 setahun. |
| Fi Tukar Alih | Tukar alih tidak dibenarkan. |
| Hak Masa Bertenang | Hak masa bertenang tidak diguna pakai bagi Dana kerana harga Unit ditetapkan pada RM1.00. |
| VOF | Nilai Dana pada kos, ditentukan dengan menolak nilai liabiliti Dana daripada nilai semua aset Dana. |

| | |
|-----------------|---|
| Penaja | Pelaburan Hartanah Berhad 200601013065 (732816-U) |
| Pengurus | Maybank Asset Management Sdn. Bhd. 199701006283 (421779-M) |
| Pengedar | <ul style="list-style-type: none"> • Malayan Banking Berhad 196001000142 (3813-K) • AmBank (M) Berhad 196901000166 (8515-D) • AmBank Islamic Berhad 199401009897 (295576-U) • Bank Islam Malaysia Berhad 198301002944 (98127-X) |
| Pemegang Amanah | AmanahRaya Trustees Berhad 200701008892 (766894-T) |



Lawati cawangan Maybank, AmBank atau Bank Islam yang terdekat dengan anda untuk melanggan. Untuk informasi lanjut mengenai Dana AHB, hubungi Pasukan Khidmat Pelanggan kami di **+603 2297 7888** atau layari **www.maybank-am.com.my**

Penafian: Brosur ini adalah penerangan ringkas mengenai Dana dan ianya tidak lengkap. Para pelabur dinasihatkan untuk meminta, membaca dan memahami prospektus Dana sebelum membuat keputusan untuk melabur. Prospektus Tambahan Ketiga bertarikh 18 Januari 2024 untuk Amanah Hartanah Bumiputera yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus bertarikh 1 Disember 2020, Prospektus Tambahan Pertama bertarikh 30 November 2022 dan Prospektus Tambahan Kedua bertarikh 15 November 2023 untuk Amanah Hartanah Bumiputera ("Prospektus") yang telah didaftarkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"), yang tidak bertanggungjawab terhadap kandungannya. Salinan Prospektus boleh didapati di cawangan pengedar kami. Pelabur dinasihatkan supaya membaca dan memahami kandungan Prospektus sebelum melabur. Antara lain, pelabur perlu mengambil kira fi dan caj yang terlibat. Harga unit Dana adalah tetap, pengagihan yang dibayar mungkin turun dan juga naik. Prestasi Dana masa lalu tidak boleh dianggap sebagai petunjuk prestasi masa depannya.

Kelulusan atau kebenaran SC, atau pendaftaran dan penyerahan atau penyerahan Prospektus tidak menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengesahkan Dana, bahan permasaran atau brosur ini.

Nota: Laporan ini telah diterjemahkan daripada laporan asal (dalam Bahasa Inggeris). Jika terdapat perbezaan, sila rujuk kepada laporan Bahasa Inggeris. Risalah produk dikemas kini pada 18 Januari 2024.